PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 MAY 2016

Orang Melayu diminta tak terperangkap gerakan Tun M

BH – 18/5/2016

Kuala Lumpur: Kebimbangan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap pembabitan pimpinan dan ahli PKR dalam gerakan Tun Dr Mahathir Mohamad menerusi surat dari penjara membuktikan semua pihak berhati-hati dengan bekas Perdana Menteri itu dalam usahanya memburukkan kepemimpinan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata surat lapan halaman bertulis tangan sepatutnya menjadi panduan kepada orang Melayu, khususnya ahli UMNO dalam memahami niat sebenar Dr Mahathir menggerakkan deklarasi rakyat.

"Jika pemimpin utama pembangkang sendiri ragu tujuan Dr Mahathir, maka diharap orang Melayu khususnya ahli UMNO lebih lebih berhati-hati supaya tidak terperangkap," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, surat itu juga mengesahkan keraguan pimpinan pembangkang bahawa agenda Dr Mahathir hanya mahu menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri.

Info

Inti pati surat Anwar

→ **Deklarasi Mahathir menafikan** kepentingan moral untuk reformasi terhadap demokrasi yang beramanah

→ **Kandungan deklarasi tidak boleh dirunding,** kekal sebagai dokumen Dr Mahathir yang cacat dan tidak selari dengan reformasi perjuangan PKR

→ **Deklarasi Mahathir jauh terpesong** daripada asas perjuangan untuk kebebasan dan keadilan, kedaulatan undang-undang, melawan salah guna kuasa dan rasuah, dan keadilan untuk semua!

Anwar rasa dipinggirkan ahli PKR

"Surat itu membuktikan Anwar dan Dr Wan Azizah tidak dapat mengawal parti. (Datuk Seri Mohamed) Azmin (Ali) seolah-olah menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Besar Selangor untuk menguasai parti," katanya.

Sementara itu, penganalisis politik, Profesor Dr Ahmad Atory Hussain, berkata kandungan surat berkenaan membuktikan Anwar rasa terpinggir dan terabai apabila tidak lagi dijadikan tempat rujuk pimpinan dan ahli PKR serta pakatan harapan.

"Ia membuktikan Anwar kecewa, merajuk dan memerlukan perhatian semua pihak dan mungkin menganggap harapannya untuk menjadi Perdana Menteri punah, sekali gus berdepan 'lorong gelap' dalam karier politiknya," katanya.



***Surat** ditulis Anwar dari penjara.*